

**15/12/2016 - Pelancaran Operasi Fasa Pertama MRT Laluan Sungai Buloh Kajang Stesen
Kwasa Damansara**

Assalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Sehati Sejiwa dan Salam 1Malaysia,

Yang Amat Berhormat
Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak,
Perdana Menteri Malaysia,

Yang Berhormat Menteri-Menteri,

Yang Berhormat Dato' Sri Liow Tiong Lai
Menteri Pengangkutan

Yang Berhormat Datuk Johari Abdul Ghani
Menteri Kewangan II

Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berhormat Dato' Seri Nancy Shukri,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berhormat Khairy Jamaluddin Abu Bakar,
Menteri Belia dan Sukan

Yang Berhormat Dato' Seri Mohd Azmin Ali,
Menteri Besar Selangor

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Syed Hamid Albar,
Pengerusi SPAD

Yang Berbahagia Dato' Sri Shahril Mokhtar,
Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp

YBhg Tan Sri-Tan Sri, Dato' Sri-Dato' Sri, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita, kerana dapat hadir ke Majlis Pelancaran Fasa Pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang pada hari ini. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada dif-dif kehormat dan para tetamu jemputan yang turut hadir.
2. Hari ini merupakan satu lagi lakaran sejarah yang penting dalam sistem pengangkutan awam di negara kita di mana rakyat kita akan dapat menggunakan perkhidmatan MRT mulai hari esok. Bagi warga kerja MRT Corp yang telah bertungkus lumus selama 5 tahun ini untuk memastikan Projek MRT siap pada waktunya dan sedia memberi perkhidmatan pengangkutan awam yang paling moden kepada rakyat di Lembah Klang, hari ini juga adalah hari yang amat bermakna kepada mereka semua.
3. Kejayaan pelaksanaan MRT membuktikan komitmen Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib, untuk menyediakan prasarana pengangkutan awam yang efisien, selesa serta memenuhi keperluan rakyat atau *People Economy*, selaras dengan aspirasi "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Projek MRT Sungai Buloh-Kajang ini diluluskan oleh Kerajaan pada Disember 2010 dengan jarak sepanjang 51km. Ia bermula dari Sungai Buloh dan melalui pusat bandar raya sehingga berakhir di Kajang, Selangor.

5. Fasa Pertama bermula dari stesen Sungai Buloh sehingga stesen Semantan manakala Fasa Kedua dari stesen Semantan ke stesen Kajang yang dijangka akan beroperasi pada bulan Julai tahun hadapan.

6. Fasa Pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang merangkumi 12 stesen iaitu Stesen-Stesen Sungai Buloh, Kampung Selamat, Kwasa Damansara, Kwasa Sentral, Kota Damansara, Surian, Mutiara Damansara, Bandar Utama, Taman Tun Dr Ismail, Phileo Damansara, Pusat Bandar Damansara dan Semantan.

7. Projek MRT merupakan sebahagian daripada rangkaian rel Lembah Klang yang komprehensif dan integrasi dengan perkhidmatan rel yang lain. Beberapa buah stesen sepanjang jajaran ini akan berintegrasi dengan stesen-stesen Komuter, LRT, Monorel dan ERL. Selain daripada itu, untuk kemudahan para pengguna, perkhidmatan bas pengantara MRT yang dikendalikan oleh Rapid Rail Sdn. Bhd., juga akan beroperasi untuk menghubungkan penumpang ke stesen terdekat. Kira-kira 8,000 tempat letak kenderaan di sepanjang laluan juga disediakan untuk keselesaan para pengguna.

8. Sehubungan dengan pelaksanaan projek MRT, saya ingin memaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri dan para hadirin sekalian, MRT Corp telah berjaya memperolehi akreditasi Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO9001:2015 baru-baru ini. Tahniah saya ucapkan kepada semua warga kerja MRT Corp di atas pencapaian ini.

9. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri, dif-dif kehormat serta tuan-tuan dan puan-puan yang meluangkan masa menghadiri Majlis Pelancaran Fasa Pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang pada hari ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warah Matullahi Wabarakatuh.

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://ksn.ipm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2104>